

Headline	TH mahu jual bangunan pejabat di London		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	06 May 2016	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	125,514
Page No	B2	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	176 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,044
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,132



# TH mahu jual bangunan pejabat di London

**Lembaga** Tabung Haji (TH) merancang menjual ibu pejabat firma undang-undang King & Wood Mallesons di London, menurut seorang daripada pengurus pelaburannya.

*Bloomberg* melaporkan, Gatehouse Bank Plc, yang menguruskan beberapa pelaburan hartanah bagi pihak pengurus dana Islam terbesar yang menguruskan tabung haji Malaysia itu, melantik broker Savills Plc untuk mencari pembeli bagi bangunan pejabat di 10 Queen Street Place, kata pemberi pinjaman itu.

Bangunan itu dijangka dijual pada harga kira-kira £200 juta (RM1.16 bilion), menurut dua orang yang arif dengan perkara itu, meminta untuk identiti mereka tidak didedahkan kerana perkara itu adalah sulit.

Jurucakap Gatehouse enggan mengulas mengenai nilai bangunan, manakala Savills enggan mengulas mengenai jualan itu.

Sebelum ini, pengurus dana Islam terbesar itu menjual hartanah di United Kingdom (UK) bagi menyahut saranan kerajaan supaya membawa balik keuntungan modal di luar negara bagi meraih manfaat daripada

penyusutan nilai ringgit.

TH membeli bangunan Queen Street Place (QSP) di bandar daerah kewangan London pada 2012 dengan harga £165 juta (RM959.84 juta), menurut satu kenyataan Gatehouse Bank pada masa pembelian itu.

Ia menjual hartanah 151 Buckingham Palace Road kepada Gaw Capital Partners tahun lalu, menurut pembeli itu.

Sebanyak £3.5 bilion (RM20.35 bilion) dilaburkan untuk pejabat di London pada suku pertama, tidak berubah daripada tempoh sama tahun lalu, menurut data yang dikumpul oleh broker CBRE Group Inc.

## Aktiviti perniagaan

Jurucakap TH berkata, pelaburan hartanah ialah sebahagian daripada aktiviti perniagaan agensi pengurusan haji itu, selaras dengan peruntukan aset strategiknya.

Penjualan aset terbabit, termasuk antara pilihan sedang dikaji, tetapi tidak terhad kepada penjualan bangunan QSP.

"Kami hanya akan mempertimbangkan penjualan itu, jika ada tawaran menarik yang akan memberi manfaat kepada TH," katanya.

Headline	TH mahu jual bangunan pejabat di London		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	06 May 2016	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	125,514
Page No	B2	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	176 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,044
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,132



**RM959.84 JUTA**

harga beli bangunan di Queen Street Place di London pada 2012.

**RM1.16 BILION**

harga jangkaan bangunan di Queen Street Place di London akan dijual.